



NOTIS SEBUTHARGA

Sebutharga adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat tempatan bertaraf **Bumiputera** yang berdaftar dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** dan dalam kod bidang yang berkaitan dan masih sah tempohnya serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi perkhidmatan berikut :-

NO. SEBUTHARGA	KETERANGAN KERJA	KOD BIDANG	HARGA DAN TARIKH / MASA JUALAN DOKUMEN SEBUTHARGA
MPAG.20/2021	Perkhidmatan Perlindungan Insurans Kebakaran Dan Bencana Bagi Pejabat Baru Majlis Perbandaran Alor Gajah Bagi Tahun 2021.	Kementerian Kewangan Dalam Kod Bidang 221801	RM50.00 (Tidak akan dikembalikan)
S.25/2021	Perkhidmatan Pemasangan Tinted Cermin, Blind dan Curtain Untuk Pejabat Baru Majlis Perbandaran Alor Gajah Bagi Tahun 2021.	Kementerian Kewangan Dalam Kod Bidang 020102	5 Julai 2021 (Isnin) sehingga 13 Julai 2021 (Selasa)

2. Segala butir dan dokumen boleh didapati di Unit Perolehan, Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG) semasa waktu pejabat seperti berikut :-

HARI	MASA
ISNIN - JUMAAT	9.00 PAGI – 12.00 TENGAHARI

3. Dokumen tawaran boleh didapati di **Unit Perolehan, Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG) mulai 5 Julai 2021 (Isnin) waktu pejabat dari jam 9.00 pagi hingga 12.00 tengahari**. Naskah tawaran boleh didapati secara tunai berjumlah **RM50.00** sebagai bayaran Dokumen Sebutharga dan mengemukakan **Sijil Asal Kementerian Kewangan dan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat** untuk pengesahan serta **satu (1) salinan** untuk simpanan Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG). Wakil syarikat perlu membawa surat wakil yang sah untuk pembelian dokumen sebutharga.

4. Untuk makluman kontraktor yang ingin membeli Dokumen Sebut Harga dan belum pernah berdaftar dikehendaki berdaftar terlebih dahulu sebagai kontraktor MPAG dengan yuran pendaftaran sebanyak **RM50.00** sekali sahaja serta mengemukakan Sijil Pendaftaran Syarikat, Penyata Kewangan dan Cop Syarikat.

5. Pihak kontraktor perlu mematuhi garis panduan (SOP) bagi pembelian sebutharga yang telah ditetapkan oleh pihak Jabatan.

6. Dokumen Sebutharga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang belakri dengan mencatatkan nombor sebutharga di penjuru sebelah kiri secara serahan tangan atau menggunakan perkhidmatan pos berdaftar / kurier dan dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di **Majlis Perbandaran Alor Gajah sebelum atau pada 14 Julai 2021 (Rabu) sebelum jam 12.00 tengahari**. Jika sebutharga dihantar menggunakan perkhidmatan pos berdaftar / kurier, pembekal hendaklah memastikan dokumen selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan sebelum atau pada tarikh tutup sebutharga selewat-lewatnya pada jam 12.00 tengahari. Dokumen sebutharga yang lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan **TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN**. Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG) tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran yang diterima selepas masa yang ditetapkan akan ditolak.

Alamat seperti di bawah:
Peti Sebutharga
MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH
Jalan Dato' Dol Said, 78000 Alor Gajah, Melaka.
No. Tel : 06-3333333 No. Fax : 06-2325716

Sekian, terima kasih.

“MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA, MENGGAMIT DUNIA”
“PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19”
“ALOR GAJAH DINAMIK, PROGRESIF, HOLISTIK”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK SALEH BIN MOHD DOM)

Setiausaha

b.p. Yang Dipertua

Majlis Perbandaran Alor Gajah

Tarikh : 02 Julai 2021

NHB/nlh/nad/fklansebutharga/fkp